

**THE MECHANISME OF WISAYAH IN ESTATE PLANNING: A LITERATURE REVIEW**

**MEKANISME WISAYAH DALAM PERANCANGAN HARTA PUSAKA: SOROTAN LITERATUR**

Muhamad Mu'izz Abdullah<sup>i</sup>, Abdul Bari Awang<sup>ii</sup> & Nasrul Hisyam Nor Muhamad<sup>iii</sup>

<sup>i</sup> (Corresponding author). Calon Doktor Falsafah, Jabatan Fiqh dan Usul al-Fiqh, Kulliyah Ilmu Wahyu Islam dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. muizzziela8990@gmail.com

<sup>ii</sup> Penolong Profesor, Jabatan Fiqh dan Usul al-Fiqh, Kulliyah Ilmu Wahyu Islam dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. abdbari@iium.edu.my

<sup>iii</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia. nasrul@utm.my

<b>Abstract</b>	<p><i>Systematic estate planning during life is very important in Islam. Thus, Islam places guidelines on estate planning for the benefit of the beneficiaries. There are various concepts of estate planning instruments that have been debated such as will, gift, faraid and waqf. However, the concept of wisayah is not given as much attention as any other instruments, but it has a significant role and influence in Muslim estate planning. Therefore, this study will analyze the concept of wisayah from shariah perspective and evaluate its implementation in Malaysia. This study will also try to uncover the importance of wisayah in estate planning. The approach used is document analysis with reference to premier and secondary data including previous studies on wisayah, enactments, statutes and case reports. The author also used an interview instrument with an officer in the company of Amanah Raya Berhad. The results of this study found that there are confusions in the concept of wisayah from the shariah perspective and its implementation in estate planning could be further developed.</i></p> <p>Keywords: <i>Wisayah, Trust, Will, Trustee, Estate Planning.</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Perancangan harta yang sistematik sewaktu hidup sangat diambil berat dalam islam. Justeru, islam meletakkan garis panduan dalam perancangan harta untuk manfaat benefisiari. Terdapat pelbagai konsep instrumen perancangan harta yang telah dibahaskan seperti wasiat, hibah, faraid dan wakaf. Akan tetapi konsep wisayah tidak diberikan perhatian sewajarnya seperti instrumen yang lain sedangkan wisayah juga mempunyai peranan dan kesan yang signifikan dalam perancangan harta muslim. Oleh itu, kajian ini akan mengkaji konsep wisayah dari perspektif syariah dan menilai pelaksanaannya di Malaysia. Kajian ini akan cuba menyingkap kepentingan wisayah dalam perancangan harta pusaka. Pendekatan yang digunakan adalah analisis dokumen dengan merujuk kepada data premier dan data skunder termasuklah kajian-kajian terdahulu berkaitan wisayah, enakmen, statut dan laporan kes. Penulis juga menggunakan instrumen temu bual bersama pegawai di syarikat Amanah Raya Berhad. Hasil kajian mendapati bahawa konsep wisayah dari perspektif syariah menjadi kekeliruan dan pelaksanaannya dalam perancangan harta pusaka boleh dikembangkan lagi.</i></p> <p>Katakunci: <i>Wisayah, Amanah, Wasiat, Wasi, Perancangan Harta Pusaka.</i></p>

## PENDAHULUAN

Islam adalah ad-din yang syumul kerana mencangkupi urusan dunia dan akhirat. Oleh kerana itu, Islam amat menitik beratkan penganutnya untuk memahami konsep pengurusan harta dengan sebaiknya berlandaskan kefahaman al-Quran dan as-Sunnah. Di dalam al-Quran Allah SWT menggunakan lafaz *khayr* (baik) dan *fadlullah* (anugerah Allah) yang mana keduanya merujuk kepada harta (Tantawi, 1998). Ini adalah satu bukti bahawa al-Quran mengiktiraf pemilikan harta dengan cara yang halal dan menguruskannya dengan sebaiknya. Firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah dan surah al-Jumuah:

﴿كُتِبَ عَلَيْكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدُكُمْ الْمَوْتُ إِنْ تَرَكَ خَيْرًا الْوَصِيَّةَ لِلْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ بِالْمَعْرُوفِ حَقًّا عَلَى الْمُتَّقِينَ﴾

Maksudnya, "Diwajibkan atas kamu, apabila seorang di antara kamu kedatangan (tanda-tanda) maut, jika ia meninggalkan harta yang banyak, berwasiat untuk ibu-bapa dan karib kerabatnya secara makruf, (ini adalah) kewajiban atas orang-orang yang bertakwa" (al-Quran. Al-Baqarah: 180).

﴿فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِن فَضْلِ اللَّهِ﴾

Maksudnya, "Apabila solat jumaat telah dilaksanakan, maka bertebaranlah kamu semua di atas muka bumi untuk mencari lebih harta (rezeki) yang Allah sediakan" (al-Quran. Al-Jumuah: 10).

Islam meletakkan konsep perancangan harta pusaka di kedudukan yang tinggi kerana harta yang dikurniakan Allah SWT adalah amanah yang dipertanggung jawabkan di akhirat kelak. Ini jelas digambarkan di dalam al-Quran melalui kisah Nabi Yusuf a.s yang bijak dan cekap menguruskan perbendaharaan negara sewaktu ujian kemarau di Mesir pada ketika itu. Mohd hisyam (2006) menyimpulkan nilai-nilai murni yang terkandung dalam surah ini adalah seperti ketinggian sifat taqwa, bijak menangani risiko, berpandangan jauh, bersiap sedia, berjimat cermat dan menguruskan harta dengan cekap.

Persediaan menghadapi cabaran dikemudian hari sangat ditekankan oleh Baginda SAW seperti di dalam sabdanya:

{اغْتَنِمَ خَمْسًا قَبْلَ خَمْسٍ: شَبَابَكَ قَبْلَ هَرَمِكَ، وَصِحَّتَكَ قَبْلَ سَقَمِكَ، وَغَنَّاكَ قَبْلَ فَقْرِكَ، وَفِرَاغَكَ قَبْلَ شُغْلِكَ، وَحَيَاتَكَ قَبْلَ مَوْتِكَ}

Maksudnya, "Rebutlah lima perkara sebelum lima perkara: muda sebelum tua, sihat sebelum sakit, kaya sebelum miskin, lapang sebelum sibuk, hidup sebelum mati" (Hadis. Al-Bayhaqi. Bab az-Zuhd wa Qasr al-'Amal. 9767).

Berdasarkan hadis di atas, Baginda SAW mengajar kepada umatnya untuk melakukan perancangan daripada awal sebelum ditimpa sebarang musibah di kemudian hari, dan ini termasuklah perancangan kewangan sebelum ditimpa kemiskinan. Kemiskinan di sini boleh juga diertikan ujian kepayahan hidup kepada waris si mati sekiranya tiada perancangan nafkah yang terperinci untuk kelangsungan hidup mereka.

Menurut Hasbulah & Daud (2015) dan Nurul Ain Nadiah (2015) "perancangan" membawa maksud meletakkan sesuatu objektif bagi perkara yang telah dirancang untuk mencapai sesuatu matlamat dan ia tidak hanya tertumpu pada sesuatu bidang sahaja. Manakala "perancangan harta" memberi makna yang lebih khusus iaitu mengumpul, mengurus, mengagih, memantau, dan memanfaatkan untuk benefisiari mengikut hukum syarak. Manakala "harta pusaka" didefinisikan sebagai *al-tarikah* iaitu segala sesuatu yang ditinggalkan oleh si mati sewaktu hayatnya melalui jalan yang sah di sisi syarak dan ianya meliputi harta alih dan tidak alih.

Kegagalan perancangan harta pusaka secara sistematik dari peringkat awal akan memberi kerugian dari sudut ekonomi, sosial, agama malah ke atas benefisiari itu sendiri. Antara faktor utama berlakunya perkara ini adalah disebabkan sikap masyarakat dan kurang kefahaman berkenaan perancangan harta pusaka dengan cara yang betul (wan abdul halim, 2018). Pendapat ini disokong oleh pengkaji terdahulu (Bouteraa, 2019; Mohd Shahril Ahmad Razimi, 2016; Nur Shuhada et al., 2019) bahawa masih ramai dikalangan masyarakat tidak memahami secara tepat hukum hakam dan proses pelaksanaan harta pusaka di Malaysia. Malah terdapat sebilangan daripada mereka yang tidak mengambil peduli dan menanggungkan proses pentadbiran harta pusaka.

Ini dapat dilihat apabila masyarakat sering menanggungkan pengurusan harta pusaka sehingga terjadinya waris pusaka yang berlapis ke atas suatu hartanah, tuntutan bertindih, harta terbiar tanpa diurus, kesulitan proses perbicaraan dalam pembahagian harta si mati dan risiko kehilangan dokumen hakmilik si mati. Isu ini telah ditekankan oleh beberapa pengkaji sebelum ini (Fazira Shafie et al., 2018; Mohd Fitri et al., 2016). Sehingga kini, laporan dari Jabatan Kehakiman Islam Malaysia mendedahkan bahawa harta tidak dituntut di Malaysia telah mencecah sebanyak RM66.6 billion dan ini merupakan satu kerugian kepada umat Islam (Akmal Hidayah et al., 2018).

Lebih mendukacitakan sekiranya benefisiari adalah kanak-kanak bawah umur atau orang kurang upaya (OKU), bagaimanakah hak dan kebajikan mereka akan terjamin sekiranya si mati tidak menyediakan perancangan sewajarnya sewaktu hidup? Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak 12,315 kes direkodkan dari tahun 2013-2018 melibatkan pengabaian kanak-kanak. Pengabaian ini termasuklah dalam isu nafkah dan harta pusaka (Nurul Izzah et al., 2019).

Justeru, instrumen perancangan harta pusaka sedia ada seperti hibah, wasiat, faraid dan wakaf menjadi tanda tanya, adakah mekanisma pengurusannya tidak praktikal untuk menyelesaikan masalah dibangkitkan? Ataupun masalah ini kembali kepada individu itu sendiri yang tidak cekap untuk merancang? Oleh itu, melalui sorotan kajian lepas, kajian ini akan memberi fokus kepada konsep *wisayah* daripada perspektif syariah sebagai salah satu alternatif dalam instrumen perancangan harta pusaka. Konsep pelaksanaannya di Malaysia akan dinilai untuk melihat sejauh manakah manfaatnya kepada pemilik harta dan benefisiari.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan rekabentuk kualitatif dengan menganalisis konsep *wisayah* dari perspektif syariah dan meneliti pelaksanaannya dalam perancangan harta pusaka di Malaysia. Pendekatan yang digunakan adalah menganalisis dokumen dengan merujuk kepada data premier dan data skunder termasuklah kajian-kajian terdahulu berkaitan *wisayah*, enakmen, statut, laporan kes.

Penulis juga menggunakan instrumen temu bual bersama pegawai di syarikat Amanah Raya Berhad sebagai salah satu Syarikat Peramanahan (*Public Trustee*) di Malaysia untuk mendapatkan maklumat lengkap tentang pelaksanaannya di Malaysia.

## **SOROTAN LITERATUR**

Dalam kajian ini, penulis akan melihat isu-isu yang dibangkitkan melalui kajian-kajian terdahulu berkaitan *wisayah*. Timbul kekeliruan berkenaan konsep *wisayah* dalam Islam dan hukum hakam berkaitan dengan akad peramanahan. Isu ini menjadi perhatian kepada pengkaji terdahulu untuk meneliti semula konsep *wisayah* yang diamalkan sekarang.

Walaupun isu berkenaan hukum hakamnya menjadi persoalan, tetapi pelaksanaannya tetap dilaksanakan khususnya dalam industri perancangan harta pusaka di Malaysia. Oleh itu, penulis telah membahagikan sorotan kajian ini kepada dua tema utama seperti di bawah:

### Konsep *Wisayah* Dalam Islam

Menurut al-Fayumi (t.th) *wisayah* adalah kata kerja dari *wassa* yang bererti memberi pesanan. *Wisayah* dan wasiat juga memberi maksud yang sama dari segi bahasa iaitu sesuatu pesanan untuk melaksanakan sesuatu amanah. Manakala dari segi istilah, ulamak membezakan di antara keduanya. Al-Sharbini (1994) berpandangan bahawa wasiat adalah satu akad *tabarru'* yang berlaku perlaksanaannya selepas kematian. Manakala *wisayah* adalah satu wasiat atau janji ke atas seorang *wasi* untuk melaksanakan satu tanggung jawab peramanahan terhadap harta *al-qasir* (hal ehwal kanak-kanak di bawah umur dan orang gila) seperti mentadbir, menjaga, menguruskan hutang selepas kematian *musi* (orang yang mengamanahkan). Takrif mengenai *wisayah* ini turut disokong oleh ulamak kontemporari seperti Abdul Karim Zaidan (1993) dan Mustafa Al-Khin et. al. (1992).

Melihat kepada perbezaan konsep pelaksanaan *wisayah* dan wasiat ini, Nasrul Hisyam (2012) menyimpulkan bahawa *wisayah* lebih tertumpu kepada wasi yang bertanggung jawab untuk menguruskan harta *musi* selepas kematiannya untuk kemaslahatan benefisiari. Manakala wasiat adalah menjawab persoalan kepada siapakah harta tersebut akan diwarisi. Konsep wasiat pada asasnya adalah lebih meluas berbanding *wisayah*, akan tetapi kedua-duanya mempunyai titik persamaan iaitu wujudnya perlantikan *wasi* sewaktu kehidupan *musi* walaupun pelaksanaannya adalah berbeza.

Konsep *wisayah* tidak asing dalam Islam, ini kerana pelaksanaannya telah pun wujud pada zaman Rasulullah SAW dan dilaksanakan dikalangan para sahabat. Bahkan Rasulullah SAW menjamin bahawa Baginda SAW adalah penjaga kepada anak-anak yatim dalam syurga. Ulama memahami hadis ini bahawa ia adalah satu galakan kepada umat Islam untuk melaksanakan *wisayah* dan kemuliaan seorang *wasi* dalam menguruskan harta amanah anak-anak yatim (Abdullah, 2005). Selain itu, Baginda SAW juga pernah menasihati seorang sahabat yang mengadu bahawa beliau menjaga anak yatim dan dirinya tidak memiliki sebarang harta. Baginda SAW lalu mengizinkan dirinya untuk makan, minum dan berbelanja dari harta amanah tersebut dengan berhemah.

Amanah dalam Islam terbentuk melalui 3 cara: hukum syarak, akad dan tiba-tiba, (badruddin, 2009). Manakala dari segi rukunnya terdiri daripada: *musi*, *wasi*, *musa fih*, dan *sighah*. Para fuqaha seperti imam al-Nawawi dan al-Sharbini berpendapat bahawa hukum *wisayah* adalah harus. Seseorang *musi* harus untuk melantik seorang pemegang amanah untuk kepentingan kanak-kanak di bawah umur dan kurang upaya di bawah tanggungannya samada dalam urusan harta, keluarga, pelangsaian hutang dan melaksanakan wasiat sebelum kematiannya. Sebaliknya hukum tersebut akan menjadi wajib dalam tiga keadaan. Pertama: sekiranya seseorang anak yatim itu tidak mempunyai datuk maka wajib ke atas si ayah untuk melantik penjaga yang *thiqah* (sebelum kematiannya). Kedua: sekiranya harta benefisiari tersebut dikhuatari akan dikuasai oleh orang zalim dan khianat. Ketiga: sekiranya penjaga meninggal dunia sebelum melakukan *wisayah*, maka menjadi kewajipan qadi untuk melantik wasi yang selayaknya (al-Nawawi, 2005).

Konsep *wisayah* dalam Islam sangat menekankan kebajikan ke atas harta al-qasir. Kriteria pemilihan wasi telah ditetapkan dalam Islam iaitu seseorang wasi itu mestilah beragama Islam, merdeka, adil, amanah dan boleh menguruskan harta. Segala kefelduan seperti zakat, kafarah, dan lain-lain mestilah ditunaikan oleh wasi yang bertanggung jawab. Sehingga dalam urusan harta amanah ini, Ali Al-Oun & Abdullah Kilani (2016) menyatakan bahawa wang amanah tersebut boleh dilaburkan untuk menghasilkan keuntungan demi kemaslahatan benefisiari. Akan tetapi sekiranya pelaburan tersebut mendatangkan kerugian, ianya boleh diberhentikan dengan perintah daripada qadi.

Melihat kepada konsep *wisayah* pada masa kini, amalan ini adalah menyamai konsep penama atau wasi di syarikat insurans atau takaful, Tabung Haji, dan KWSP. Penama atau penjaga yang dilantik hanyalah pemegang amanah seperti mana ketetapan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan tahun 1973 dalam Mesyuarat Raja-raja pada 20 September 1973. Oleh kerana itu, Naziree Md Yusof (2011) melihat bahawa isu pengurusan harta pusaka, jual beli, wakaf dan sebagainya melibatkan harta benefisiari di

kalangan kanak-kanak bawah umur perlu diberi perhatian. Sekiranya wasi mengkhianati amanah tersebut tiada sebarang penalti dikenakan. Sebagai contoh, Peraturan 16 (2) Peraturan KWSP 2001 tidak menyatakan peranan wasi secara jelas sebagai seorang penama sebaliknya hanya berstatus peringatan. Ini menjadi kebebasan kepada wasi untuk mentadbir dengan sebaiknya ataupun tidak.

### **Wisayah dan Amanah**

Konsep *wisayah* ini juga mempunyai perkaitan rapat dengan konsep *wilayah*, *wakalah*, *hadhanah*, *kafalah*, *niyabah* dan *amanah* (Asyraf, 2006; Badruddin 2006). Amanah adalah ciri terpenting bagi pembentukan *wisayah* kerana pemilihan pemegang amanah yang tidak tepat akan menyebabkan berlakunya mudharat kepada harta dan benefisiari.

Konsep amanah dijelaskan secara umum oleh Andi Mohamad (2015) bahawa penerapan ciri ini dalam pengurusan harta akan memenuhi tuntutan maqasid syariah. Definisi amanah tidak dinyatakan secara jelas dalam Akta Pemegang Amanah 1949 (Akta 208) melainkan definisi tersebut hanya dapat dipastikan melalui tafsiran hakim bagi sesuatu kes perbicaraan. Sebagai contoh dalam kes *Parmeshiri Devi & ANor v Pure Life Society (1971) MLJ 42* dinyatakan (Pawancheek Marican, 2009):

“*Satu obligasi ekuiti yang mengikat seseorang yang dipanggil pemegang amanah untuk mengurus harta yang berada di bawah kawalannya yang disebut harta amanah, untuk kepentingan orang atau beberapa orang yang disebut benefisiari yang mana dia sendiri mungkin salah satu darinya dan mana-mana orang yang boleh menguatkuasakan obligasi tersebut*”.

Pengertian lain yang membawa maksud yang sama bagi amanah di atas seperti dikemukakan Lewin yang telah dirujuk oleh May J dalam kes *Re Scott [1903] 1 Ch 1* dan penghakiman Hashim Yeop Sani J dalam kes *Yong Nye Fan & Sons Sdn. Bhd. v Kim Guan & Co. Sdn. Bhd. (1971) 1 MLJ 182* (Nasrul Hisyam, 2011; Salleh Buang, 2016). Berdasarkan tafsiran di atas, difahami bahawa, sesuatu peramanahan mengandungi elemen berikut: *settlor*, *benefisiari*, *wasi*, harta amanah dan dokumen perundangan bertulis. Konsep amanah dalam undang-undang sivil ini adalah hampir menyamai konsep *wisayah* dalam Islam iaitu keperluan akad dalam pelaksanaan *wisayah*.

Walaupun begitu, Nasrul Hisyam (2012) berpandangan sebaliknya bahawa konsep amanah terbina berdasarkan prinsip ekuiti undang-undang sivil manakala *wisayah* bersumberkan undang-undang Islam iaitu al-Quran dan as-Sunnah. Dalam konsep amanah, *settlor* boleh bertindak sebagai *musi* dan benefisiari sehingga akhir hayatnya dan ini berbeza dengan *wisayah*. Kebiasaannya berlaku pindah milik kepada pemegang amanah dalam konsep amanah akan tetapi dalam konsep *wisayah* pindah milik hanya berlaku selepas kematian *musi*.

Walaupun terdapatnya perbezaan di antara amanah dan *wisayah* terutamanya dari sudut perundangan, namun Badruddin (2009) menjelaskan bahawa amanah juga berkait dengan perundangan Islam akan tetapi ianya hanya bersifat umum. Sesuatu amanah itu melibatkan pegangan harta orang lain, ini bersandarkan kepada firman Allah SWT dalam surah al-Nisa' ayat 58:

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا﴾

Maksudnya, “*Sesungguhnya Allah menyuruh kamu meyampaikan amanah kepada ahlinya..*” (al-Quran. An-Nisa: 58).

Oleh kerana itu, beliau membuat kesimpulan bahawa instrumen amanah ini terbahagi kepada dua: amanah dalam bentuk pemberian tugas (*wisayah*, *wakalah* dan *wadiyah*), yang kedua adalah amanah dalam bentuk pemberian harta sama ada manfaat ataupun *ain* seperti pinjaman, *wakaf*, *hibah*, dan *wasiat*.

Walaupun begitu, Naziree Md Yusof (2008) berpandangan bahawa amanah dan *wisayah* adalah terdiri daripada satu konsep yang sama. Asasnya adalah kerana keduanya

merupakan satu bentuk peramanahan yang melibatkan pemegang amanah (*trustee*) yang dilantik sewatu hidup. Pendapat ini turut disokong oleh Nasrul Hisyam (2012), walaupun amanah dalam undang-undang sivil konsepnya adalah lebih luas, akan tetapi tidak menjadi masalah sekiranya pelaksanaan *wisayah* berlaku sewaktu hayat *musi* itu sendiri. Konsep *wisayah* ini menurut beliau boleh dianggap seperti “amanah islam”. Ianya adalah satu bentuk permurnian terhadap perbezaan yang terdapat antara keduanya.

### WISAYAH SEBAGAI INSTRUMEN PENGURUSAN HARTA

Konsep *wisayah* yang dibincangkan sebelum ini perbahasannya lebih tertumpu kepada wasi yang bersifat individu. Seiring dengan perkembangan masa, konsep *wisayah* ini semakin berkembang dan perkhidmatannya ditawarkan dalam bentuk syarikat peramanahan, bank, syarikat guaman dan Majlis Agama Islam Negeri yang menawarkan produk perancangan harta. Syarikat peramanahan di Malaysia pada ketika ini dibahagikan kepada dua kategori.

Pertama, syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 (Akta 125) dan berdaftar di bawah Akta Syarikat Amanah 1949 (Akta 100). Sebagai contoh adalah Amanah Raya Berhad (ARB), as-Salihin Trustee, CIMB Islamic Trust Berhad, Am Trustee berhad, Bank Islam Trust Co. (Labuan) Limeted dan HSBC Amanah Takaful Berhad. Kategori kedua adalah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 (Akta125) tetapi tidak berdaftar di bawah Akta Syarikat Amanah 1949 (Akta 100) (Nasrul Hisyam, 2012). Contohnya beberapa agensi swasta yang pernah menjadi egen rasmi kepada ARB seperti Zar Perunding Pusaka, Wasiyyah Shoppe Sdn. Bhd, Watikah Pusaka Resources, Kemudi Aktif Sdn. Bhd. dan lain-lain (Naziree Md Yusof, 2008).

*Wisayah* dilihat berpontensi dalam pengurusan harta kerana konsepnya yang luas dan meliputi instrumen perancangan harta yang lain. Secara amnya, konsep *wisayah* yang dipraktikkan di Malaysia ini berdasarkan hukum syarak. Menurut Ghazali (2009), konsep pentadbiran harta amanah ataupun *wisayah* orang islam ini semakin jelas bidang kuasanya khususnya di negeri Selangor terutama selepas Enakmen Wakaf Negeri Selangor 1999 dan Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999 diperkenalkan.

Ini sebagaimana termaktub dalam undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam negeri-negeri di Malaysia. Sebagai contoh di dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303): Bahagian VI disebutkan berkenaan nafkah isteri, anak dan lain-lain, dan bahagian VII disebutkan berkenaan hadhanah atau jagaan kanak-kanak. Kedua-dua bahagian yang terkandung dalam akta ini secara tidak langsung menerangkan konsep *wisayah* itu sendiri.

Namun demikian, Nasrul Hisyam (2012) menjelaskan bahawa *wisayah* boleh berlaku dalam dua keadaan samada secara umum (perundangan islam) atau khusus iaitu berdasarkan undang-undang amanah. *Wisayah* berdasarkan undang-undang sivil terletak di bawah statut Perlembagaan Persekutuan (Jadual 9, Senari 1, S.4.(e)(i)). Antara undang-undang sivil yang terlibat adalah seperti dinyatakan oleh Al Azifah, (2010) adalah:

1. Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 (Akta 532),
2. Akta Pemegang Amanah 1949 (Akta 208),
3. Akta Probet dan Pentadbiran 1959 (Akta 97),
4. Seksyen 8, Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 55),
5. Akta Pembahagian 1958 (Akta 300)
6. Akta Wasiat 1959 (Akta 346)

Bagi melihat pelaksanaan *wisayah* dengan lebih terperinci, artikel ini memfokuskan kepada pelaksanaan *wisayah* di ARB. Nidzam (2020) menyatakan bahawa produk peramanahan ARB terbahagi kepada dua. Pertama, Amanah Sukarela (*Voluntary Trust*) iaitu pentadbiran berdasarkan peruntukan terma dan syarat Suratikatan Amanah (SIA). Kategori kedua adalah Amanah Mandatori (*Involuntary Trust*) iaitu pentadbirannya ditadbir sehingga satu tempoh matang menurut dokumen peramanahan atau perintah yang dikeluarkan oleh pihak ketiga seperti perintah pejabat pesaka kecil, perintah

mahkamah tinggi, pampasan tanah, pencen, perintah pejabat buruh, atau pusaka (Wan Numzila, 2009).

Bagi produk amanah pertama, prosesnya melibatkan tiga pihak: *settlor*, *wasi* dan *benefisiari*. *Settlor* akan menyerahkan harta amanah kepada *wasi* berdasarkan surat ikatan amanah, segala bayaran dan manfaat kepada *benefisiari* adalah tertakhluk kepada *terma* dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh *settlor*. Manakala produk amanah kedua, prosesnya hanya melibatkan dua pihak iaitu *wasi*, dan pihak ketiga yang mengeluarkan perintah. Satu dokumentasi perundangan dinamakan Pengisytiharan Amanah (PA) akan diisytiharkan oleh *wasi* termasuk jumlah wang amanah yang diterima. Sebarang pengeluaran nafkah, persekolahan, perayaan dan sebagainya akan dibayar kepada penjaga berpandukan kepada perintah yang dikeluarkan (Noorhajar, 2020).

Perlu dijelaskan di sini bahawa, syarikat peramanahan yang menawarkan produk *wisayah* di Malaysia adalah tertakhluk kepada bidang kuasa persekutuan. Manakala Mahkamah Syariah hanya melibatkan urusan kesahan yang melibatkan sesuatu dokumen dari segi hukum syarak. Sebagai contoh, kes pampasan tanah yang berlaku di ARB di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 (Sek. 14) disebabkan pengambilan tanah oleh kerajaan untuk tujuan tertentu. Sewaktu pengambilan tanah dilakukan, pemilik tanah telah menghibahkan tanahnya kepada *benefisiari* "b", akan tetapi perintah yang dikeluarkan masih di atas pemilik asal iaitu *benefisiari* "a".

Setelah semakan dilakukan, *benefisiri* tersebut perlu mendapatkan semula pengesahan hibah di Mahkamah Syariah dan selepas itu barulah proses pembayaran wang pampasan akan dilakukan mengikut undang-undang sivil. Terdapat juga kes di mana perintah yang dikeluarkan untuk 10 bilangan *benefisiari* dan pembayaran boleh dilakukan pada ketika itu oleh *wasi*. Akan tetapi, pengesahan sivil faraid tetap diperlukan untuk memastikan kesahihan bilangan waris yang tepat, disamping memastikan semua *benefisiari* adalah masih hidup (Noorhajar, 2020; Rosmah Mansor, 2020).

Akan tetapi, timbul pertikaian adakah konsep *wisayah* berdasarkan undang-undang amanah ini menepati hukum syarak sepenuhnya seperti dinyatakan sebelum ini? Merujuk kepada penulisan munawwarzaman et. al (2018), terdapat 3 isu utama yang menjadi perdebatan berkenaan konsep pelaksanaan *wisayah*. Pertama: *settlor* berhak untuk membatalkan akad *wisayah* tersebut pada bila-bila masa selepas akad dilakukan. Kedua: isu pindah milik harta yang tidak jelas kerana di bawah undang-undang sivil harta amanah masih di bawah kawalan *settlor* sepenuhnya dan *benefisiari* hanya berhak ke atas manfaat harta amanah tersebut selepas kematian *settlor*. Ketiga: *settlor* bebas untuk manipulasi harta amanah sewaktu hidupnya.

Bagi meninjau permasalahan tersebut secara lebih terperinci, Akmal Hidayah Halim, 2011; Nazrul Hazizi Noordin et al. (2016) melihat bahawa konsep *wisayah* berdasarkan undang-undang sivil ini bertentangan sama sekali dengan konsep *wisayah* berdasarkan perspektif syarak yang sebenar. Bahkan konsep ini juga dilihat tidak konsisten berbanding konsep hibah secara mutlak. Beliau menekankan bahawa, perlunya penilaian semula terhadap pelaksanaan *wisayah* di Malaysia kerana *settlor* berkemungkinan sengaja mengelakkan harta dari tertakhluk pelaksanaan faraid. Konsep *wisayah* menurut undang-undang sivil adakalanya mewajibkan berlakunya pindah milik dari *settlor* kepada *trustee*, samada melibatkan harta alih atau tidak alih.

Pelaksanaan ini dapat dilihat pada produk amanah sukarela (*Voluntary Trust*) di ARB contohnya melibatkan amanah hartanah (*property trust*). Manakala bagi produk amanah mandatori (*Involuntary Trust*), ARB akan dinamakan sebagai pemegang amanah bagi *benefisiari* bawah umur. Pelaksanaan ini adalah bertepatan dengan kes *Koperasi Sarawak Bhd & Anor v Robert Sim Teck Hock (2005) AMR 349; (2005) MLJ 493* yang mensyaratkan sesuatu peramanahan berlaku pindah milik (Noorhajar, 2020).

Pindah milik menggabungkan instrumen amanah turut berlaku dalam instrumen hibah pada masa kini (Alias et al., 2014; Othman Yaacob, 2006; Zamro Muda, 2008). Ternyata konsep "hibah amanah" ini berbeza dengan konsep *wisayah* sebenar (Alias et al., 2014). Ini kerana hibah adalah berbentuk sukarela (*inter vivos*) dan tidak boleh ditarik

balik kecuali dari ayah atau datuk, manakala *wisayah* atau amanah hanya bertindak sebagai pemegang amanah yang boleh dibatalkan akad. Timbul persoalan bagaimana sesuatu harta yang diamanahkan melalui konsep amanah tidak tertakhluk di bawah undang-undang pusaka, sedangkan syarat hibah seperti pindah milik dan qabad daripada pihak benefisiari tidak berlaku.

Akmal Hidayah & Tajul Aris (2017) menjelaskan bahawa faktor ini berlaku kerana sebarang kes amanah perlu dirujuk kepada mahkamah sivil seperti dalam kes *TM Feroze Khan & Ors Iwn Meera Hussain TM Mohamed Mydin* apabila mahkamah rayuan memutuskan bahawa kes tersebut perlu dibicarakan di mahkamah sivil walaupun melibatkan harta orang islam. Justeru, prinsip hibah sebenar tidak dapat diaplikasikan kerana konsep amanah telah dijadikan rujukan. Dalam erti kata lain, amanah bukanlah hibah.

Walaupun terdapat perbincangan mengenai keabsahan *wisayah*, tetapi maqasid dari pelaksanaannya ternyata memberi manfaat kepada benefisiari. Antara kelebihan *wisayah* yang dinyatakan Nidzam (2020) adalah: salah satu kaedah perancangan harta dan kewangan bagi penderma, harta amanah tidak terikat kepada pembekuan aset, harta amanah tidak menjadi harta pusaka bagi muslim dan begitu juga non-muslim berdasarkan kepada Akta Pembahagian 1958, memberi manfaat kepada benefisiari bawah umur dan kurang upaya, penderma dapat memperuntukkan harta yang diamanahkan kepada mana-mana benefisiari atau institusi dengan cara pengagihan berperingkat, perancangan perwarisan kepada anak angkat.

#### ANALISIS SOROTAN LITERATUR

Setelah meneliti soroton literatur pada bahagian yang lepas, penulis mendapati bahawa konsep *wisayah* dan aplikasinya dalam perancangan harta pusaka adalah penting untuk dibahaskan. Mekanismenya yang luas dan mecangkupi instrumen perancangan harta yang lain mendapat perhatian daripada pandangan pengkaji terdahulu. Namun perbincangan berkenaan konsep *wisayah* masih kurang dibincangkan berbanding instrumen-instrumen yang lain. Oleh itu, kajian lanjutan perlu dilakukan mengenai *wisayah* untuk melihat signifikannya dalam masalah ini.

##### a) KONSEP AMANAH

No	Penulis	Hasil Kajian
1	Nasrul Hisyam (2011), Salleh Buang (2016)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menjelaskan maksud amanah berdasarkan tafsiran mahkamah</li> </ul>
2	Abdullah (2005), Badruddin (2006), Asyraf (2006), (Noor Lizza et al., 2019)	<ul style="list-style-type: none"> <li><i>Wisayah</i> telah berlaku sejak dari dahulu dan pelaksanaannya bersandarkan kepada perbuatan Baginda SAW dan para sahabat.</li> <li>Ulama sepakat memperakui konsep pelaksanaan <i>wisayah</i></li> <li><i>Wisayah</i> mempunyai ciri-ciri, rukun, syarat seperti wasiat</li> <li>Amanah boleh wujud dalam bentuk akad seperti <i>wisayah</i>.</li> <li><i>wisayah</i> mempunyai perkaitan rapat dengan bentuk akad pengamanahan yang lain seperti <i>wilayah</i>, <i>wakalah</i>, <i>hadhanah</i>, <i>kafalah</i>, <i>niyahah</i> dan <i>amanah</i>.</li> </ul>
3	Ali Al-Oun & Abdullah Kilani (2016)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Harta <i>wisayah</i> boleh dilaburkan untuk kepentingan dan masalah benefisiari.</li> </ul>
4	Naziree Md Yusof (2011)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perhatian perlu diberikan terhadap pengurusan harta benefisiari kanak-kanak bawah umur, contohnya: harta</li> </ul>

		pusaka, jual beli, wakaf dan sebagainya
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peraturan 16 (2) Peraturan KWSP 2001 tidak menyatakan peranan <i>wasi</i> secara jelas sebagai penama, tiada sebarang penalti dikenakan sekiranya berlaku pengkhianatan.</li> </ul>
5	Naziree Md Yusof (2008), Nasrul Hisyam (2012)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• amanah dan <i>wisayah</i> merupakan konsep yang sama kerana kewujudan <i>wasi</i> yang dilantik.</li> <li>• Konsep <i>wisayah</i> bertepatan dengan syarak</li> <li>• Konsep <i>wisayah</i> dalam undang-undang islam ditadbir dengan merujuk kepada undang amanah sivil.</li> </ul>
6	Andi Mohamad (2015)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penerapan ciri amanah dalam pengurusan harta memenuhi tuntutan maqasid syariah</li> </ul>
7	Pawancheek Marican (2009)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Definasi amanah tidak dinyatakan secara jelas dalam Akta Pemegang Amanah 1949 (Akta 208). Akan tetapi definisi tersebut difahami melalui tafsiran hakim bagi sesuatu kes perbicaraan.</li> </ul>
8	Badruddin (2009)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Akad amanah terbentuk dengan tiga cara: hukum syarak, akad dan tiba-tiba.</li> </ul>

#### b) WISAYAH SEBAGAI INSTRUMEN PENGURUSAN HARTA

No	Penulis	Hasil Kajian
1	Naziree Md Yusof (2008), Nasrul Hisyam (2012), Al Azifah (2010)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Konsep <i>wisayah</i> secara individu diperluas kepada syarikat peramanahan dan institusi.</li> <li>• Pengagihan harta dalam dokumentasi <i>wisayah</i> termasuk: wasiat, harta sepencarian, hibah, wakaf, nazar, hutang, KWSP</li> <li>• Agensi swasta yang pernah menjadi egen rasmi kepada Amanah Raya Berhad seperti Zar Perunding Pusaka, Wasiyyah Shoppe Sdn. Bhd, Watikah Pusaka Resources, Kemudi Aktif Sdn. Bhd.</li> <li>• Terdapat dua jenis syarikat peramanahan berdaftar di Malaysia.</li> </ul>
2	Ghazali (2009)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bidang kuasa <i>wisayah</i> semakin jelas selepas terbentuknya Enakmen Wakaf Negeri Selangor 1999 dan Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999.</li> </ul>
3	Wan Numzila (2009)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Amanah Raya Berhad mempunyai dua jenis peramanahan: Amanah Sukarela (<i>Voluntary Trust</i>) dan Amanah Mandatori (<i>Involuntary Trust</i>).</li> </ul>
4	Akmal Hidayah Halim (2011); Nazrul Hazizi Noordin et al (2016), Munawwarzaman et. al (2018)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiga isu dibangkitkan berkenaan akad amanah menurut undang-undang sivil: pembatalan akad, pindahan pemilikan dan manipulasi harta amanah.</li> <li>• Konsep ini dilihat tidak konsisten berbanding konsep hibah dan <i>wisayah</i> dalam Islam</li> <li>• Penilaian semula terhadap pelaksanaan amanah di Malaysia</li> <li>• <i>Settlor</i> berkemungkinan sengaja mengelakkan harta dari tertakhluk pelaksanaan faraid</li> </ul>
5	Alias et al (2014), Othman Yaacob (2006), Zamro Muda	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Instrumen hibah pada masa kini semakin komprehensif apabila digabungkan bersama amanah</li> </ul>

(2008)

- |   |                                   |  |
|---|-----------------------------------|--|
| 7 | Akmal Hidayah & Tajul Aris (2017) | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Amanah dirujuk pada undang-undang Sivil apabila kes <i>TM Feroze Khan &amp; Ors v. Meera Hussain TM Mohamed Mydin</i> dihakimi dimahkamah rayuan dan hakim memutuskan amanah hibah ini tidak boleh ditadbir di mahkamah syariah.</li> </ul> |
|---|-----------------------------------|--|

Hasil perbincangan pada sorotan kajian yang lepas, wujudnya perbincangan mendalam dikalangan para pengkaji berkenaan konsep *wisayah* yang dilaksanakan di Malaysia khususnya dalam konteks perancangan harta pusaka. Konsep *wisayah* dalam perspektif Islam pada asalnya adalah lebih tertumpu kepada pengurusan harta *al-qasir* oleh seseorang *wasi*, akan tetapi pelaksanaannya telah berkembang seiring dengan perkembangan masa yang melibatkan institusi dan syarikat peramanahan Nasrul Hisyam (2012). Justeru, para sarjana telah membahaskannya secara terperinci dan menyesuaikan dengan konsep amanah yang terdapat dalam undang-undang sivil.

Penulis mendapati bahawa, terdapatnya usaha dikalangan para sarjana untuk mencari titik persamaan di antara *wisayah* dan amanah melalui kajian-kajian lepas. Kedua-duanya mempunyai konsep yang sama tetapi perlu merujuk kepada satu mekanisme yang jelas terutama kerana melibatkan dua bidang kuasa yang berbeza. Walaupun begitu, pelaksanaan *wisayah* telah dilaksanakan dengan jayanya sejak dari dahulu sehingga sekarang dan konsepnya telah dibahaskan dan dikembangkan. Ini berdasarkan kewujudan syarikat-syarikat peramanahan dan Majlis Agama Islam Negeri yang menawarkan konsep *wisayah* dalam bentuk yang pelbagai untuk memastikan harta diurus dan ditadbir dengan sebaiknya.

*Wisayah* mempunyai potensi yang tinggi untuk dikembangkan pelaksanaannya dengan lebih meluas dan menjadi salah satu alternatif dalam perancangan harta muslim di Malaysia. Mekanismanya yang fleksible dan dapat diaplikasikan dalam kebanyakan instrumen perancangan harta pusaka dilihat memberi manfaat kepada pemilik harta dan benefisiari. Sebagai contoh, pelaksanaan *wisayah* dapat dilaksanakan secara serentak dengan pelaksanaan wasiat dan ini dapat memudahkan *musi* dalam perancangan harta. *Musi* bukan sahaja boleh menentukan waris-waris yang berhak ke atas harta pusakanya, malah dapat melantik *wasi* yang bertanggung jawab untuk mengurus dan mentadbir aset yang diamanahkan.

Atas dasar ini, bermula pada 1 Januari 2018 ARB telah mengadakan kerjasama dengan Kumpulan Wang Simpanan Malaysia (KWSP) untuk menggalakkan pencarum melantik ARB sebagai *wasi* bagi mentadbir harta amanah orang Islam selepas kematian pencarum menurut undang-undang faraid (Berita Harian, 2018). Langkah ini diambil bagi mengurangkan kes pecah amanah bagi penama yang dilantik, dan tidak menjalankan amanah yang sewajarnya dalam pembahagian harta pusaka. Disamping itu, langkah ini juga adalah alternatif kepada masyarakat yang melantik wasi dikalangan ahli keluarga dan tidak mempunyai pengetahuan menyeluruh tentang konsep penamaan (Musa & Mustaffa; 2017).

Selain itu, *wisayah* juga berpontesi bagi menyelesaikan isu-isu berkaitan pindah milik harta bercagar. Nasrul Hisham (2011) menyatakan bahawa isu pindah milik harta bercagar semakin kronik. Ini kerana, kebanyakan masyarakat tidak mempunyai kemampuan yang tinggi untuk membeli sesuatu hartanah secara tunai. Sebaliknya perlu mendapatkan pembiayaan peribadi untuk membeli sesuatu rumah atau hartanah. Oleh kerana itu, pewarisan harta bercagar tersebut tidak kesampaian kerana masih menjadi milik institusi kewangan.

Melihatkan kepada perkara ini, dapatan kajian beliau menyatakan bahawa konsep *wisayah* wajar diperkenalkan dengan lebih meluas. Melalui elemen amanah yang digabungkan, benefisiari dapat menikmati harta amanah yang ditinggalkan oleh si mati kelak. Atas faktor inilah, institusi-institusi peramanahan seperti ARB, As-Salihin Trustee, Wassiyah Shoppe Berhad dan MyAngkasa telah melaksanakan produk "hibah amanah"

melibatkan harta bercagar dengan syarat yang ketat seperti diwajibkan pemilikan *Mortgage Reducing Term Assurance* (MRTA) atau *Mortgage Reducing Term Takaful* (MRTT).

Walaupun terdapatnya beberapa perdebatan dikalangan sarjana mengenai konsep *wisayah* terutama apabila mengguna pakai konsep amanah sivil, justeru terdapat beberapa perkara perlu diperhalusi untuk menjadikan pelaksanaannya menepati konsep syariah sepenuhnya. Di antaranya seperti dinyatakan pada perbahasan lepas mengenai eksploitasi terhadap akad *wisayah* menurut undang-undang sivil dan timbulnya pertikaian kerana menyalahi konsep *wisayah* sebenar. Justeru beberapa tindakan boleh diambil bagi mengatasi masalah ini.

Pertama, konsep *wisayah* yang dilakukan ini perlu diisytiharkan dan diketahui oleh benefisiari. Ini kerana mengikut pelaksanaan di syarikat peramanahan, benefisiari tidak perlu mengetahui kewujudan *wisayah* tersebut. Akan tetapi selepas kematian *settlor*, harta tersebut menjadi milik benefisiari walaupun tidak berlaku *qabad* diperingkat awal. Kedua, *settlor* tidak dibenarkan mengambil sebarang manfaat ke atas harta amanah sepanjang hidupnya dan mempunyai hak mutlak untuk membatalkan akad peramanahan pada bila-bila masa. Ketiga, sekiranya *wisayah* melibatkan kanak-kanak bawah umur, sebarang pengeluaran wang amanah tidak boleh dilakukan oleh *settlor* tanpa sebab munasabah sehingga benefisiari berumur 18 tahun. Ini bagi memastikan kebajikan benefisiari benar-benar terjaga sekiranya kematian penjaga.

Selain dari itu, masyarakat perlu diberikan maklumat menyeluruh tentang *wisayah* dan tujuan asalnya menurut perspektif syarak. Ini bagi mengelakkan salah tanggapan dikalangan masyarakat bahawa *wisayah* yang dilakukan adalah untuk mengelakkan dari pengurusan harta pusaka. Malah terdapat dikalangan masyarakat menjadikan *wisayah* sebagai medium untuk mengelakkan bankrupsi.

Selain itu, penggunaan hibah amanah samada melibatkan harta alih atau tidak alih perlu dipantau dan difahami prosedur pelaksanaannya kerana dua instrumen berbeza ini boleh menimbulkan pertikaian dimahkamah. Sebagai contoh kes *Wan Naimah V. Wan Mohamad Nawawi (1974) 1 MLJ 41*, apabila hakim mengiktiraf kes tersebut sebagai undang-undang amanah berbanding pelaksanaan hibah.

Akhir sekali, bagi mencapai maksud *wisayah* yang sebenar, pemilihan pemegang amanah yang selayaknya perlu diberi perhatian. Bagi penjaga yang memiliki kanak-kanak bawah umur atau orang kurang upaya, pemegang amanah yang dilantik sebaiknya adalah dari pihak institusi rasmi yang boleh menguruskan nafkah tersebut. Ini kerana pemegang amanah yang berdaftar tidak mempunyai sebarang kepentingan terhadap harta amanah benefisiari. Disamping itu, pemegang amanah yang dilantik haruslah mengadakan lawatan berkala terhadap benefisiari yang berada di bawah jagaan penjaga tersebut untuk memastikan segala keperluan nafkah adalah mencukupi.

## PENUTUP

Pelaksanaan *wisayah* diyakini dapat menyelesaikan isu-isu berbangkit dalam perancangan harta pusaka di Malaysia. Ini termasuk juga dapat membantu kes-kes pengabaian kanak-kanak bawah umur dan orang kurang upaya yang tidak mendapat penjagaan sewajarnya. Untuk kajian akan datang, penulis mencadangkan bahawa dijalankan satu kajian terperinci berkenaan konsep *wisayah* dalam menyelesaikan isu tuntutan harta tidak dituntut di Malaysia. Ini kerana, kajian-kajian terdahulu banyak memberi fokus kepada instrumen wasiat, hibah dan faraid. Justeru, konsep *wisayah* perlu diketengahkan sebagai satu solusi bagi peningkatan harta yang tidak dituntut dari tahun ke tahun.

Disamping itu, kajian terperinci juga boleh dilakukan berkenaan konsep *wisayah* di syarikat peramanahan yang berdaftar di bawah Akta Syarikat Amanah (1949) seperti as-Salihin Trustee, Amanah Raya Berhad, dan Majlis Agama Islam Negeri. Melalui kajian yang akan dilakukan ini, peranan *wasi* (*trustee*) dapat ditonjolkan kepada masyarakat dalam pengurusan harta pusaka mereka.

## RUJUKAN

- Abd al-Karim Zaydan. 1994. *al-Mufasssal Fi Ahkam al-Mar'ah Wa al-Bayt al-Muslim Fi Al-Shari'at al-Islamiyyah*. Mu'assasah al-Risalah. Cetakan 1. hlm. 403-404.
- al-Nawawi, Muhyiddin Yahya Bin Syaraf. 2005. *Minhaj al-Talibin Wa 'Umdah al-Muftiin Fi al-Fiqh*. Dar al-Fikr. Cetakan 1. hlm. 189-194.
- al-Bayhaqi, Ahmad Bin al-Husin. 2003. *Shu'ab al-Iman*. Vol. 12. hlm. 476. Beirut: Maktabah al-Rushd.
- al-Fayyumi, Ahmad Bin Muhammad. t.t. *al-Misbah al-Munir Fi Gharib al-Sharh al-Kabir*. Beirut: al-Maktabah al-Ilmiyyah.
- Al Azifah Mohd Safie. 2010. *Penderafan Dokumen Wasiat Islam Di Amanah Raya Berhad: Analisis Menurut Perspektif Islam*. UM.
- Al-Syarbini, Muhammad Bin Ahmad al-Khatib. 1994. *Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Ghazali Bin Abdul Rahman. 2009. *Harta Amanah Orang Islam Di Malaysia: Kuasa Dan Bidang Kuasa Mahkamah Syariah*. Undang-Undang Harta Dan Amanah. Jabatan Undang-Undang Islam, Kulliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim & Pusat Undang-Undang Harun M. Hashim. hlm. 204-209.
- Haji Salleh Buang. 2006. *Pembentukan Harta Amanah Mengikut Undang-Undang Di Malaysia: Sejauh Manakah Undang-Undang Islam Terpakai*. dlm. Siti Mashitoh Mahmood (Pnyt.). *Harta Amanah Orang Islam Di Malaysia*. hlm. 51-66. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Munawwaruzzaman Mahmud, Ahmad Firdaus Kadir & Nur Fathin Khairul Anuar. 2018. *Shariah Issues In Islamic Trust Services*. Islamic Commercial Law Report. International Shari'ah Research Academy For Islamic Finance (ISRA). Thomsan Reuters & Irti.
- Mustafa al-Khin, Muftafa Al-Bugha, Ali Al-Syarbini. 1992. *Al-Fiqh al-Manhaji 'Ala Madhhab al-Imam Al-Shafi'i*. Mesir: Dar al-Qalam.
- Muhamad Said Tantawi. 1998. *Tafsir al-Wasit Li al-Qur'an al-Karim*. Mesir: Dar Nahdhah al-Qahirah.
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad. 2012. *Wasiat & Wisayah Dalam Perancangan Harta: Prinsip Dan Amalan*. Johor Bharu: Universiti Teknologi Mara (UTM) Press.
- Nasrul Hisham Nor Muhamad. 2011. *Hibah Dalam Undang-Undang Islam Prinsip Dan Amalan*. Johor Bharu: UTM Press.
- Othman Yaacob. 2006. *Undang-Undang Dan Pentadbiran Harta Amanah Orang Islam Di Malaysia*. Dlm. Siti Mashitoh Mahamoo (Pnyt.). *Harta Amanah Orang Islam Di Malaysia: Perspektif Undang-Undang Dan Pentadbiran*, hlm.171-208. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Pawancheek Marican. 2009. *Penentuan Bidang Kuasa Amanah Kontemporari: Mahkamah Syariah Atau Mahkamah Sivil*. Undang-Undang Harta Dan Amanah. Jabatan Undang-Undang Islam, Kulliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim & Pusat Undang-Undang Harun M. Hashim. hlm. 136-174.
- Wan Numzila Binti Wan Junuh. 2009. *Peranan Amanah Raya Berhad Dalam Pengurusan Harta Amanah Orang Islam Di Malaysia*. dlm. Undang-Undang Harta Dan Amanah. Jabatan Undang-Undang Islam, Kulliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim & Pusat Undang-Undang Harun M. Hashim. hlm. 191-203.
- Badruddin Bin Ibrahim. 2009. *Konsep Amanah Di Dalam Perundangan Islam. Undang-Undang Harta Dan Amanah*. Jabatan Undang-Undang Islam, Kulliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim & Pusat Undang-Undang Harun M. Hashim.

## Tesis/Disertasi

- Abdullah Muhammad Said. 2005. *al-Wisayah Fi al-Fiqh al-Islami Wa Qanun al-Ahwal Al-Shakhsiyah al-Urduni: Dirasah Muqaranah*. Tesis Ph.D Universiti Jordan.

- Asyraf Handhal Al-Sha'ir. 2006. *Ahkam al-Wisayah Fi Al-Shari'at al-Islamiyyah, Wa Mada Tatbiqatuha Fi al-Mahakim Al-Shar'iyah Fi Ghazzah*. Tesis Sarjana Universiti Islam Ghazzah.
- Badruddin Bin Ibrahim. 2006. *The Concept of al-Wisayah With Special Reference To The Administration of A Minor's Property Under Islamic Law And The Enacted Islamic Law In Malaysia*. Tesis IIUM.
- al-Sha'ir, A. H., 2006. *Ahkam al-Wisayah fi Al-Shari'at al- Islamiyyah Wa Mada Tathbiqatiha Fi al-Muhakim Al-Shar'iyah Fi Qita' Ghazzah*. Atruhah.

### **Jurnal**

- Akmal Hidayah, Nor Azlina Mohd Noor, Azhani Arshad. 2018. Administration of Unclaimed Estates in Malaysia: The Peculiarities of Unclaimed Money, Undistributed Fund And Bona Vacantia. *Journal of Social Sciences Research*. (Special Issue 6). hlm. 1075–1079.
- Akmal Hidayah Halim. 2011. the Legality of a Living Trust As an Instrument for Islamic Wealth Management: a Malaysian Perspective. *IIUM Law Journal*, 19(1), hlm. 35–50.
- Akmal Hidayah, & Tajul Aris. 2017. Pelaksanaan Hibah Amanah Sebagai Suatu Instrumen Pengurusan Harta Islam Di Malaysia. *KANUN*. Julai(2). hlm. 90–115.
- Ali Abdullah Al-Kaun & Abdullah Ibrahim Al-Kilani. 2016. Al-Siyasah Al-Shar'iyah Fi Ri'ayah Al-Amwal Al-Qasirin Wa Man Fi Hukmihim: Dawlah Qatar Namuzajan. *Dirasat Ulum al-Shari'ah Wa Al-Qanun*. Jil 43. Bil. 2.
- Bouteraa, M. 2019. Barriers Factors of Wasiyyah (Will Writing): Case of BSN Bank. *IBMRD's Journal of Management & Research*. 8(1). 1.
- Fazira Shafie, Wan Zahari Wan Yusoff, Muhammad, S., & Dawilah el-Edrus. 2018) Factors of Failure and Delay in Islamic Inheritance Distribution in Malaysia. *Jurnal Teknologi*. (April 2016). hlm. 1–34.
- Hasbulah, M. H., & Daud, M. Z., 2015. Perancangan Pembahagian Harta Semasa Hidup Dalam Islam: Konsep Dan Kepentingannya. *Global Journal Al-Thaqafah*. 5(1). hlm. 119–131.
- Mohd Fitri et al. 2016. Kelewatan Dalam Pembahagian Harta Pusaka. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*. 2(3). hlm.180–187.
- Mohd Shahril Ahmad Razimi. 2016. Concept of Islamic Inheritance Law (Faraid) In Malaysia: Issues And Challenges. *Research Journal of Applied Sciences*.
- Mohd Musa Sarip & Mohd Mustaffa Mohd Jusoh @ Yusoff. 2017. Perbezaan Sikap Dan Kecenderungan Tingkah Laku Pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Terhadap Penamaan Wasi. *International Journal of Islamic Thought*. Vol. 12. hlm. 40-51.
- Naziree Md Yusof. 2008. Hukum Wisoyah & Realiti Permasalahannya Dalam Konteks Perancangan Pusaka Islam. *Jurnal Muamalat*. Vol. 1. hlm. 73–102.
- Naziree Md Yusof. 2011. Permasalahan Pemegang Amanah Terhadap Benefisiari Kanak-Kanak Dalam Harta Faraid. *Jurnal Muamalat*. 11(15). hlm. 1155–1167.
- Nazrul Hazizi Noordin, Muhammad Issyam Ismail, Rahman, M. A. H. A., Haron, S. N., & Abdullah, A. 2016. Re-Evaluating The Practice Of Hibah Trust In Malaysia. *Humanomics*. 32(4). hlm. 418–436.
- Nur Shuhada, et. al. 2019. The Conceptual Framework of The Intention on Islamic Estate Planning Practice Among Muslim Entrepreneurs. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*. 4(20). hlm. 69–76.
- Nurul Izzah Izzati Hashim, Wafaa Yusof, & Zuliza Mohd Kusrin. 2019. Pengabaian Kanak-Kanak dan Jaminannya Menurut Syarak dan Undang-Undang di Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Law*. 4(1). hlm.18–28.
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad. 2011. Penyelesaian Pindah Milik Harta Bercagar Di Institusi Kewangan: Dari Perspektif Undang- Undang Islam. *KANUN*. hlm. 180-208.

### **Prosiding/Kertas Kerja**

- Andi Mohamad Zulkhairi Muhamad. 2015. *Konsep Amanah Dalam Pengurusan Islam Dari Sudut Maqasid Syariah (Penjagaan Harta)*. dlm. *Prosiding Seminar Pengurusan Islam: Ke Arah Pemantapan Ummah*.
- Azhar, A. Bin, Hussain, M. A., Hafiz Badaruzaman et.al. 2014. *Hibah Komersial: Satu Tinjauan Terhadap Prosedur Dan Amalan Di Malaysia*. dlm. *Seminar Waqf Iqlimi 2014 USIM*.
- Mohd Hisyam Bin Abdul Rahim. 2006. *Pengurusan Harta Berhemat: Satu Analisa Daripada Kisah Nabi Yusouf*. dlm. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta Dalam Islam*. Hlm. 51-64.
- Mohd Zamro Muda. 2008. *Instrumen Hibah Dan Wasiat: Analisis Hukum Dan Aplikasi Di Malaysia*. dlm. *Kertas Kerja Konvokesyen Faraid Dan Hibah Kebangsaan 2008*. Anjuran JAKIM, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- Nurul Ain Nadiyah, A. R., 2015. *Konsep Hifz Mal Dalam Pengurusan Harta Pusaka Di As-Salihin Trustee Berhad*. dlm. *Prosiding Seminar Antarabangsa Pengurusan & Kepimpinan Islam : Isu Dan Cabaran*.

### **Website**

[http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/Federal\\_Updated.nsf/b3ac9c218c8efdc4482568310022d8b3/633473c64eaa80a048256fd50001141a?OpenDocument](http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/Federal_Updated.nsf/b3ac9c218c8efdc4482568310022d8b3/633473c64eaa80a048256fd50001141a?OpenDocument). Diakses pada 14 May 2020.

Berita Harian. "Pengurusan KWSP Boleh Melantik Amanahraya". Lihat: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/01/373362/pencarum-kwsp-boleh-melantik-amanahraya>. Diakses pada 14 May 2020.

### **Temubual**

- Mohamad Nizamuddin Bin Ibrahim, Eksekutif, Jabatan Pentadbiran Amanah, Amanah Raya Berhad. Temu bual pada 5 Mac 2020.
- Noorhajar binti Abu Bakar, Eksekutif Kanan, Jabatan Pentadbiran Amanah, Amanah Raya Berhad. Temu bual pada 5 Mac 2020.
- Rosmah Binti Mansor, Pengurus, Jabatan Pentadbiran Amanah, Amanah Raya Berhad. Temu bual pada 5 Mac 2020.

### **Kes:**

- Parmeshiri Devi & ANor v Pure Life Society (1971) MLJ 42.  
Re Scott [1903] 1 Ch 1.
- Yong Nyee Fan & Sons Sdn. Bhd. v Kim Guan & Co. Sdn. Bhd. (1971) 1 MLJ 182.
- Koperasi Sarawak Bhd & Anor v Robert Sim Teck Hock (2005) AMR 349; (2005) MLJ 493.
- TM Feroze Khan & Ors lwn Meera Hussain TM Mohamed Mydin.
- Wan Naimah V. Wan Mohamad Nawawi (1974) 1 MLJ 41.

### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*